





- 1 *Ahli Jawatankuasa Badan bertimbang.*
- 2 *Mesyuarat Agung ke-14 24 Mei 1981 menggerakkan idea Yayasan Pendidikan Za'aba.*
- 3 *Ahli-ahli bergambar ramai selepas mesyuarat agung yang ke-14 pada 24hb Mei 1981. Di Mesyuarat Agung inilah mula diwujudkan idea menubuhkan Yayasan Za'aba untuk fadah dan kepentingan seluruh rakyat dan negara.*
- 4 *Penasong BKAMNS, Y.M.M. Tengku Puan Besar Hajjah Kurshiah menyampaikan bantuan persekolah kepada salah seorang anak ahli.*
- 5 *Yang DiPertua BKAMNS Yang Mulia Tunku Tan Sri Mohamed menyampaikan hadiah galakan pelajaran kepada Adik Zuridah Jalil di Mesyuarat Agung Tahunan Badan.*

Seperti beberapa kumpulan anak-anak Negeri lain seperti Perak, Johor dan Pahang, mereka menamakan perjumpaan mereka sebagai Perjumpaan Persekutuan Anak-Anak Negeri, sebagai permuafakatan yang longgar dan tidak berdaftar.

Perjumpaan hariraya dikalangan beberapa keluarga duduk berjiran di kawasan perumahan Kerajaan (quarters) itu berlarutan setiap tahun, hinggalah pada awal Januari 1940 mereka dapat mendaftarkan kira-kira 60 nama kakitangan Kerajaan yang berasal dari Jempol/Kuala Pilah, Rembau dan Sungai Ujong.

PENUBUHANNYA : Pada 3hb Mac 1940 permuafakatan mereka berjaya mengumpulkan seramai 60 orang untuk bermesyuarat Agung . Mesyuarat Agung itu mengambil keputusan :

(1) Mendaftarkan kumpulan mereka sebagai Persekutuan Anak-Anak Melayu Negeri Sembilan dengan tujuan utama saling bantu membantu sama lain dalam kerja-kerja kebajikan. Antara nama-nama pengasas pertama (tercatat dalam rekod "Persekutuan" itu) ialah:

Pengerusi	: Ibrahim bin Hj. Mansor
Naib Pengerusi	: Maulud bin Jali
Setiausaha	: Hj Hassan Sidong
Bendahari	: En Baba bin Ludek
Ahli-Ahli Jawatankuasa	: Mohd Tahir bin Shah Hashim bin Keping En Bador En Shamaruddin En Abdul Raham En Mohd Din Ali En Osman En Ismail Mahmood.
Pemeriksa Kira-Kira	: En Suda bin Rentah En. Shamsuddin bin Lilah

Sebahagian besar mereka adalah kakitangan Kerajaan yang diketahui ada "minat" hendak "cuba-cuba berani senyap-senyap "menentang" British dan Jepun.

(2) Mengadakan "Rumah Kelab" dan mengadakan perjumpaan2 sosial seperti perjumpaan Hariraya pada tiap-tiap tahun.

(3) Mengumpulkan sumbangan wang ringgit untuk membantu satu sama lain.

**PERGERAKANNYA** : Usaha dan cita-cita Jawatankuasa itu terbantut disebabkan bahang perang dunia dan pendudukan Jepun. Persekutuan Anak-Anak Negeri Sembilan di Kuala Lumpur bergerak "hidup segan mati tak mahu" selama kira-kira tiga tahun sahaja.

Dalam era pra-merdeka, beberapa "orang lama" Persekutuan anak-Anak Negeri yang didahului oleh Encik Mohd Din Ali ( Setiausaha Munisipal K.Lumpur berasal dari Sri Menanti) dan beberapa orang dari Kuala Pilah menyuarkan hasrat hendak menghidupkan semula Persekutuan Anak-Anak NS.



*Ahli-Ahli Jawatankuasa BKAMNS dibawah pimpinan Y.M. Tunku Tan Sri Mohamed bin Tunku Besar Burhanuddin (duduk no: 4 dari kiri) bergambar selepas mesyuarat agung, ke-14 pada 24 Mei 1961.*

Pada tahun 1961 dalam satu perjumpaan hariraya, hasrat itu menjadi tajuk perbualan. Oleh kerana sebahagian besar mereka yang sangat bersungguh-sungguh ialah yang berasal dari Kuala Pilah maka dinamakan persatuan itu sebagai Badan Kebajikan Anak-Anak Mukim Jempul, Negeri Sembilan.

Badan itu terus menerus dapat sambutan dan ramai mendesak supaya ia jangan terbatas kepada sesuatu mukim sahaja. Ramai mahu badan Kebajikan itu meliputi semua yang berasal dari semua daerah dalam Negeri Sembilan, sama seperti lain-lain persatuan anak negeri yang ada di Kuala Lumpur.



Duduk  
Duduk Kiri ke Kanan  
Puan Masnah bt Mohd  
Y. Bly. Dain' Hj. Abdul Malik bin Hj. Mohd. Yusoff  
Y. Bly. Dain' Dr. Hj. Mohd. Yusoff bin Hj. Yusoff

NSJK BADAN 1980/82

**MUAFKAT SEMAKIN BERKEMBANG** : Pada 23hb Disember 1966 ditubuhkanlah Badan Kebajikan Anak-Anak Negeri Sembilan di Wilayah Persekutuan dengan YM Tan Sri Tengku Mohamad bin Tengku Besar Burhanuddin sebagai Yang Di Pertua.

Dengan Aktiviti Badan semakin berkembang, beberapa pindaan Perlembagaannya telah dilakukan untuk meluaskan bidang khidmatnya supaya meliputi kebajikan, sosial, dan pendidikan.

**(1) Skim Bantuan Buku-buku dan Pakaian sekolah khusus untuk anak ahli dimulakan dalam tahun 1979.**


**(2) Skim Galakan Pelajaraan dimulakan dalam tahun 1980**

**(3) Skim bantuan Kebajikan dan Khairat diteruskan dengan peruntukan bagi penerima-penerima semakin bertambah dengan bertambahnya ahli-ahli.**

**PENDIDIKAN DAN YAYASAN:**

Dalam mesyuarat Agung tahunan yang ke 14 pada 24hb Mei 1981 Yayasan Pendeta Za'ba ditubuhkan Langkah ini memperluaskan lagi bidang kebajikan dan bantuan pendidikan Badan. Pada hari itu juga tabung pelancaran Yayasan diasaskan. Tabung itu diisi dan diikrarkan oleh hadirin, antaranya YM Raja Khalid bin Raja Harun RM100,000.00. Encik Kamarudin Hamzah - RM1,000.00. Kutipan kilat -RM500.00

YAYASAN PENDETA ZA'BA dilancarkan Pada 6hb Jun 1987 oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni almarhum Tuanku Abdul Rahman Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan.





# YAYASAN PENDITA ZA'ABA

## LEMBAGA PEMEGANG AMANAH PERTAMA



*Yang Mulia Tunku Tan Sri  
Mohamed bin Tunku Besar  
Bathahuddin*



*YB. Dr. Ramli bin Ujang*



*YB. Encik Abu Zahar @  
Azhar bin Datuk A. Ujang*



*Y. Bhg. Dato' Dr.  
Haji Mohd. Noordin bin  
Haji Keling*



*Y. Bhg. Dato' Haji  
Abdul Malek bin Haji  
Mohd. Yunus*



*Y. Bhg. Dato' Muhammad  
bin Jabal*



*Tuan Haji Abdul Jalil bin  
Dato' Jamal*



*Tuan Haji Mohd. Hashim  
bin Amir Hamzah*



*Encik Mohd. Zain bin  
Haji Hamzah*



*Tuan Haji Abdul Mokti bin  
Haji Abdul Rashid*

**Lembaga Pengelola dan Pemegang Amanah Yayasan yang pertama ialah:**

**Pengerusi :YM Tan Sri Tengku Mohammad bin Tengku Besar Burhanuddin**

**Timbalan Pengerusi:Dato'Hj.Abdul Malek bin Mohd Yunus**

**Setiausaha:Haji Abdul Mokti bin Abd.Rashid**

**Bendaahari:Hj Abdul Jalil bin Dato'Jamal**

**Ahli-Ahli :Dato'Dr Mohd Noordin bin Hj. Keling**

**YB Dr. Ramli bin Ujang**

**Dato'Mohamad bin Jabil**

**En.Abu Zahar @ Azhar bin Datuk Andika Ujang**

**Haji Mohd Zain bin Haji Hamzah**

**Haji Mohd Hashim bin Amir Hamzah**